

07 SEP 1997

Mahathir-kahwin

KERAP SEBUT KAHWIN DUA PENYEBAB SURAT LAYANG: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kekerapan menyebut mengenai kahwin dua oleh timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyebabkan orang menulis surat "macam-macam" terhadapnya (Anwar).

"Kata satu saja sudahlah, saya ada satu sahaja berapa lama, tak payah cukuplah," katanya disambut derian gelak ketawa daripada perwakilan semasa menggulung perbahasan perhimpunan agung Umno di sini.

"Dua jadi masalah, satu saja boleh jadi masalah. Saya tak tahu bagaimana orang boleh ada empat. Empat masalah ... tengok ke depan masalah, tengok ke kiri masalah, tengok kanan masalah, paling belakangepun masalah," katanya disambut gelak ketawa berterusan.

"Dalam Al-Quran ada sebut kahwinlah dua, tiga dan empat. Ada orang kata baik mula dengan dua. Lepas itu naik tiga dan empat dan bila dah tak boleh hingga empat baru balik kepada satu," katanya.

Katanya, Al-Quran berpesan kalau boleh berlaku adil boleh kahwin tetapi kemudian ia (Al-Quran) menyebut lelaki tidak boleh adil kepada wanita, bermakna kahwin satu sajalah.

"Yang disebut dalam Al-Quran itu ialah apa yang kita sebut dalam sistem perundangan kita undang-undang yang membolehkan dalam keadaan tertentu boleh ... tetapi dalam keadaan biasa tak payahlah," katanya.

"Kita ada 50-50, 50 peratus wanita dan 50 peratus lelaki. Kalau seorang lelaki kahwin dua, seorang lagi tak dapat kahwin, kalau kahwin empat yang tiga lain tak dapat kahwin ... rugilah," katanya.

"Yang nak lahirkan anak ialah wanita, dia kahwin dengan wanita itu akan dapat anak banyak itu," katanya.

Dr Mahathir berkata ini hanyalah fasal membolehkan dan jangan menggunakannya tetapi hanya bila ada masalah. -- BERNAMA

ARA AHH